

20 FEB 2003

NAM-Malaysia/I

MALAYSIA MAMPU MEMIMPIN NAM, KATA DIPLOMAT

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Malaysia, yang mempunyai keupayaan intelek kelas pertama, berkemampuan untuk memimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi tempoh tiga tahun akan datang, kata para diplomat di sini hari ini.

Timbalan Menteri Luar Mesir Mohamed Ezzeldine berkata Malaysia telah membuktikan keupayaannya dalam memodenkan negara ini, menguruskan ekonomi dengan kukuh dan mempunyai laluan yang baik untuk teknologi tinggi.

"Kesemua rekod pencapaian ini digabungkan dengan kepimpinan yang luar biasa boleh memanfaatkan negara-negara anggota NAM," katanya kepada Bernama semasa waktu rehat tengah hari Mesyuarat Pegawai Kanan pada sidang kemuncak NAM ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ezzeldine berkata Malaysia amat dihormati di lingkungan antarabangsa dan adalah amat signifikan apabila 114 negara anggota memilih Malaysia untuk memimpin pergerakan itu.

"Kami gembira kerana Malaysia memimpin NAM pada peringkat yang kritikal ini, dengan tanggungjawab yang berat berikutan cabaran-cabaran hebat yang dihadapi pergerakan ini," kata beliau.

Rakan sejawatannya dari Iran, Khoshroo Gholamali yang sependapat dengan Ezzeldine berkata Malaysia berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk membawa persetujuan sebulat suara di kalangan negara-negara anggota semasa membincangkan isu-isu yang memberikan kesan terhadap mereka.

Beliau berkata ini penting kerana persetujuan NAM dicapai menerusi usaha-usaha secara sebulat suara.

Malaysia telah berjaya menempatkan dirinya sebagai sebuah negara yang dihormati di peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Asia selain di kalangan negara-negara Islam, kata beliau lagi.

"Kesemua ini akan memberikan kesan terhadap negara-negara anggota. Meskipun Perdana Menteri anda (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) akan bersara Oktober ini, saya percaya penggantinya akan meneruskan kepimpinan yang baik ini untuk menerajui NAM kemudiannya," kata beliau lagi.

Penasihat Misi Chile di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Claudio Rojas berkata Malaysia telah berjaya dalam menangani isu-isu ekonomi dan sosialnya, oleh itu pengalaman berkenaan boleh disumbangkan kepada negara-negara anggota.

Beliau berkata Malaysia telah membuktikan keupayaannya dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan dalam negara ini yang boleh dikongsi oleh negara-negara lain.

"Tidak ada sebarang keraguan terhadap kemampuan Malaysia untuk memimpin pergerakan ini dalam tempoh tiga tahun akan datang memandangkan rekod baik yang telah ditunjukkannya," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

JM MFJ ROS